

'Pelajar seni kreatif ceburi industri perfileman tempatan'

VIB 17-11-2019 15

INDUSTRI perfileman tempatan bukan lagi perkara yang asing dibualkan dalam kalangan masyarakat di negara ini. Setiap tahun, pelbagai genre filem tempatan diterbitkan seiring dengan usaha untuk mengangkat martabat seni perfileman di Malaysia.

Dalam usaha untuk mencungkil bakat muda terutamanya dalam bidang pengarahan, pengurusan, pemasaran, penyuntingan dan lakonan, pelbagai usaha dijalankan oleh pihak Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Antaranya termasuklah mewujudkan program perfileman di universiti-universiti tempatan dan melancarkan pertandingan filem pendek.

Sehubungan dengan itu, sekumpulan pelajar tahun akhir dari program HA11 Seni Kreatif, Universiti Malaysia Sabah menjalankan penggambaran filem pendek berjudul 'PENGAIT' di daerah Membakut, Sabah pada bulan September lalu. Penggambaran filem pendek ini adalah bertujuan untuk memenuhi kredit kursus dalam pengajian mereka.

Dalam waktu yang sama,



KREATIF: Pelajar dan Pelakon yang terlibat dalam pembikinan Filem Pendek 'PENGAIT'.

penggambaran filem pendek ini juga menjadi platform untuk para pelajar ini mengenali dunia perfileman dan mempelajari teknik-teknik pengurusan sebuah produksi dan cara untuk memasarkan karya mereka.

Bahkan, sepanjang tempoh pembikinan filem pendek ini, pelbagai pengetahuan terutamanya tentang syot dan teknik penyampaian cerita dipelajari oleh para pelajar ini untuk memantapkan lagi filem yang dihasilkan nanti.

Filem pendek 'PENGAIT' yang dihasilkan oleh para

pelajar ini diinspirasikan daripada kepercayaan masyarakat Sabah pada zaman dahulu yang yakin bahawa setiap jambatan memiliki pengeras untuk mengukuhkan jambatan tersebut.

Pengait menjadi simbolik kepada seorang makhluk yang gemar mengait kepala mangsa terutamanya kanak-kanak sebagai bahan pengeras untuk mengukuhkan sesebuah jambatan yang baru dibina di mana-mana kawasan di sekitar Sabah.

Walaupun kesahihan cerita ini masih belum dapat

dipastikan lagi, namun kebanyakan orang-orang tua percaya bahawa pengait itu wujud dan menjadi ketakutan dalam kalangan kanak-kanak yang masih kecil.

Filem pendek yang berdurasi 18 minit ini dijangka akan ditayangkan di Universiti Malaysia Sabah pada tanggal 11 hingga 13 Disember 2019.

Pembikinan filem pendek ini merupakan usaha yang baik untuk mencungkil bakat-bakat baru yang berkebolehan dalam mengerakkan industri perfileman tempatan pada masa akan datang.